

Bajet 2023: MMA berbesar hati keperluan kesihatan diiktiraf

[Amir Abd Hamid](#)
amir_hamid@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur: Bajet 2023 yang memperuntukkan peningkatan 11.5 peratus dalam belanjawan kesihatan negara berbanding bajet sebelumnya selaras hasrat ke arah pembaharuan yang diperlukan dalam sistem penjagaan kesihatan kebangsaan.

Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) Dr Muruga Raj Rajathurai berkata, pihaknya amat berbesar hati kerana kerajaan mengiktiraf keperluan kesihatan untuk belanjawan yang lebih tinggi dengan menyediakan peruntukan sebanyak RM36.1 bilion.

"MMA percaya langkah ini akan dapat menangani isu-isu kemudahan penjagaan kesihatan yang semakin ditelan zaman.

"MMA percaya bahawa cadangan beliau berkenaan enam inisiatif baharu bernilai RM3.4 bilion yang dibentangkan kepada Kementerian Kewangan pada akhir September lalu sudah berjaya meyakinkan Kementerian Kewangan mengenai keperluan peruntukan yang lebih tinggi untuk KKM," katanya.

Beliau berkata, MMA mengalu-alukan rancangan kerajaan untuk meningkatkan kemudahan penjagaan kesihatan.

Bagaimanapun, katanya MMA berharap butiran lanjut mengenai rancangan itu akan dikeluarkan secepat mungkin kepada sumber manusia penjagaan kesihatan yang adalah nadi kepada sistem penjagaan kesihatan awam.

"Masih jauh lagi perjalanan yang harus ditempuh untuk menangani isu-isu doktor kontrak dan kekurangan pakar.

"Selain itu, langkah kerajaan memberi penekanan terhadap pencegahan melalui penambahbaikan kepada pelbagai program saringan juga sangat dialu-alukan.

"Ini diharapkan dapat menggalakkan orang ramai untuk memanfaatkan sepenuhnya sokongan yang diberikan kepada mereka," katanya.

Melangkah ke hadapan, beliau berkata, pihak MMA berharap akan wujudnya ketelusan dalam penggunaan pelbagai peruntukan di bawah KKM.

Sementara itu, Pakar Bedah Pediatrik Avisena Women's and Children's Specialist Hospital, Dr Syariz Izry Sehat berkata, peningkatan bajet untuk bidang kesihatan tepat pada masanya memandangkan kos sektor kesihatan memang tinggi.

"Keutamaan membaik pulih fasiliti serta menaiktaraf klinik kesihatan adalah tindakan sangat wajar untuk memberi keselesaan kepada pengguna/pesakit.

"Biarpun terdapat peruntukan bagi pembinaan dua hospital, jumlah ini adalah tidak mencukupi untuk menampung jumlah pesakit yg semakin meningkat.

"Saya berharap kelak lebih banyak hospital dibina kerana ia boleh turut membantu lambakan pegawai perubatan (HO) mendapat latihan," katanya.